❤PENANG

PENANG 2030

BULETIN MUTIARA

PERCUMA

16 - 31 JANUARI, 2026

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Kerja berpasukan tunjang kejayaan

# RAIH PENARAFAN 5 BINTANG

**HOSPITAL** Sungai Bakap (HSB) mencipta kejayaan tersendiri apabila menerima Anugerah Penarafan Lima Bintang bagi Kad Laporan Hospital dan Institusi Perubatan Khas Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Kejayaan itu sekali gus mengiktiraf komitmen warga HSB dalam memberikan penjagaan kesihatan yang berkualiti, efisien dan mesra kepada pesakit.

HSB kini mempunyai kira-kira 500 kakitangan termasuk bukan perubatan dan menyediakan kemudahan 100 katil untuk pesakit.

Pengarahnya, **DR. SITI AISYAH SALAHUDIN** ketika ditemui berkata bahawa kejayaan tersebut adalah hasil daripada kerja berpasukan kakitangan HSB dalam memastikan semua Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan berjaya dicapai.

"Semua kakitangan di sini menunjukkan komitmen berterusan untuk menyeimbangkan antara tanggungjawab hakiki mereka iaitu memberi perkhidmatan kepada pesakit dan tuntutan untuk memenuhi KPI yang ditetapkan.

"Tambahan pula, kebanyakan kakitangan HSB merupakan penduduk lokal atau yang sudah lama berkhidmat di sini, jadi rasa kebertanggungjawaban terhadap organisasi dalam diri mereka adalah lebih tinggi," katanya kepada penulis Buletin Mutiara, **SUNARTI YUSOFF** dan jurugambar, **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS** ketika ditemui di pejabatnya pada 5 Disember 2025.

Siti Aisyah berkata, penarafan lima bintang oleh KKM dinilai berdasarkan empat kriteria utama iaitu KPI hospital dan KPI klinikal, inisiatif kluster, Indeks Casemix serta kajian kepuasan, *Patient Satisfaction Questionnaire* (PSQ-18).

Mengulas lanjut, beliau menjelaskan bahawa KPI hospital yang juga dikenali sebagai *Hospital Performance Indicator for Accountability* (HPIA) merupakan satu bentuk pemantauan kualiti perkhidmatan di hospital-hospital KKM.

Menurut beliau, KPI hospital mempunyai dua segmen utama iaitu bahagian pengurusan dan bahagian klinikal.

"Bahagian pengurusan meliputi KPI yang memantau aspek masa menunggu katil *(bed waiting time)* dan pengurusan sumber manusia seperti urusan rekod, perkhidmatan, disiplin, orientasi serta kebajikan semua kakitangan (perubatan dan bukan perubatan).

"Semua aspek ini dinilai dalam KPI yang mana data yang disediakan oleh pihak hospital akan dihantar kepada KKM untuk pengesahan melalui pelaksanaan audit dalaman *(internal audit)* dan audit luaran *(external audit)*.

"Audit dalaman biasanya dijalankan oleh pihak hospital, manakala audit luaran akan dikendalikan oleh KKM dengan melantik pihak ketiga untuk menjalankan kerja-kerja pengauditan yang biasanya dijalankan sebanyak empat kali setahun," jelasnya.

Siti Aisyah memberitahu bahawa KPI klinikal pula diukur melalui pemantauan terhadap kecekapan hospital termasuk aspek kualiti dan prestasi perkhidmatan di hospital.

"KPI ini juga meliputi pemantauan kemudahan kesihatan seperti masa menunggu, kadar kejayaan rawatan, kepuasan pesakit dan pengurusan bajet untuk memastikan penjagaan pesakit yang optimum serta penambahbaikan berterusan.




**DR. Siti Aishah Salahudin (kiri sekali) ketika menerima sijil pengiktirafan lima bintang yang diterima Hospital Sungai Bakap daripada Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad (tengah) dalam majlis yang berlangsung dekat Putrajaya baru-baru ini.**

"Dalam aspek ini, kita akan tempatkan seseorang kakitangan itu dalam unit berbeza bagi satu tempoh tertentu untuk memastikan mereka mempunyai pengetahuan yang pelbagai.

"Contohnya, jika semasa di Hospital Seberang Jaya, seseorang kakitangan berada dalam bahagian perolehan tetapi apabila berpindah ke sini (HSB), kita letakkan dia di unit lain seperti sumber manusia, kualiti, rawatan, pengurusan dan sebagainya.

"Dengan langkah ini, lama-kelamaan mereka boleh bertugas di mana-mana bahagian dengan pengetahuan yang mereka telah perolehi," ujarnya.

*(Sambungan di muka 4).*

# Guru Tabika Perpaduan
# ejen perpaduan masyarakat

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**SEMUA** guru Taman Bimbingan Kanak-kanak (Tabika) Perpaduan di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional perlu memainkan peranan sebagai ejen perpaduan masyarakat di negeri ini, kata Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid.

Beliau berkata, tanggungjawab guru Tabika Perpaduan bukan sahaja menyampaikan ilmu asas seperti membaca, menulis dan mengira, malah memikul amanah untuk menanam benih kasih sayang, hormat-menghormati, toleransi serta semangat kebersamaan yang menjadi asas kepada perpaduan nasional.

"Pendidikan awal kanak-kanak merupakan teras pembentukan insan, dan di sinilah Tabika Perpaduan memainkan peranan yang amat strategik.

"Selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, pendidikan di negara kita bertujuan melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani serta mampu menyumbang kepada kesejahteraan diri, masyarakat dan negara.

"Jadi, guru-guru Tabika Perpaduan memikul amanah yang besar untuk membentuk nilai, sikap, adab serta jati diri kanak-kanak sejak usia awal lagi," katanya ketika berucap pada Program Memartabatkan Profesion Perguruan Tabika Perpaduan Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini 16 Disember 2025.

Mohamad menyatakan bahawa keunikan Tabika Perpaduan adalah terletak pada kepelbagaian latar belakang kaum, budaya dan agama yang berada di bawah satu bumbung pendidikan.

Menurut beliau, melalui aktiviti pembelajaran, permainan, nyanyian, penceritaan dan interaksi harian yang diterima kanak-kanak di institusi pendidikan itu dapat menyemai nilai perpaduan secara semula jadi.

"Di sinilah anak-anak belajar mengenali perbezaan, menghormati kepelbagaian dan membina persahabatan tanpa prejudis.

"Oleh itu, guru-guru Tabika Perpaduan secara tidak langsung menjadi ejen perpaduan yang paling awal dan paling berpengaruh dalam kehidupan seorang kanak-kanak.

"Perpaduan bukan sesuatu yang boleh diajar melalui teori sematamata, sebaliknya dibentuk melalui pengalaman dan teladan.

"Guru-guru adalah contoh hidup kepada anak-anak seperti dalam tutur kata, tingkah laku, kesabaran serta keadilan kerana mereka akan belajar daripada apa yang mereka lihat dan alami di Tabika Perpaduan," ujarnya.




**DR. Mohamad Abdul Hamid (tengah) bergambar kenangan dengan guru-guru Tabika Perpaduan yang berjaya merangkul anugerah masing-masing sempena Program Memartabatkan Profesion Perguruan Tabika Perpaduan Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini 16 Disember lalu.**

Mohamad yang juga Exco Pembangunan Agama Islam, Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Perpaduan Masyarakat memberitahu bahawa sehingga kini, terdapat 1,781 Tabika Perpaduan di seluruh negara, dan sebanyak 116 Tabika Perpaduan di Pulau Pinang dengan seramai 232 guru.

Bercakap kepada pemberita selepas itu, Mohamad menjelaskan bahawa Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) kini menawarkan program diploma pendidikan awal kanak-kanak kepada guru Tabika Perpaduan.

"Kita (Kerajaan Negeri) akan berbincang dengan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional berhubung inisiatif untuk meningkatkan profesion perguruan dalam konteks guru Tabika Perpaduan dengan menyambung diploma dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak.

"Selain itu, program-program yang perlu dianjurkan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dengan kerjasama Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah dimulakan pada tahun lepas melibatkan lima daerah di negeri ini.

"Pada tahun 2026, kita akan turun ke setiap daerah untuk menghimpunkan semua guru Tabika Perpaduan dan kakitangan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional bagi menganjurkan program perpaduan," katanya yang juga Yang Dipertua MAINPP.

Terdahulu, Mohamad turut menyampaikan sijil penghargaan kepada guru-guru Tabika Perpaduan yang berjaya merangkul tujuh anugerah yang dipertandingkan.

Anugerah Khas Media dimenangi oleh Nurul Huda Abdul Aziz, Anugerah Guru Prihatin pula menjadi milik Nor Fazlin Tajuddin, diikuti Anugerah Guru Paling Kreatif (M. Thanam), Anugerah Personaliti Guru Terunggul dan Anugerah Guru Paling Popular (Zunita Said), Anugerah Pendidik Cemerlang (Naemah Ramli) serta Anugerah Guru Cemerlang (Siti Jaslina Jalil).

Pada majlis tersebut, seramai 280 guru Tabika Perpaduan di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Pulau Pinang diberikan pendedahan berkenaan usaha memartabatkan profesion perguruan dalam konteks pendidikan awal kanak-kanak.

Sementara itu, Buletin Mutiara turut berkesempatan menemu bual beberapa penerima anugerah untuk mendapatkan reaksi atas kejayaan masing-masing.

**ZUNITA SAID** ketika ditemui menzahirkan penghargaan atas penganugerahan yang diterima selepas menceburi bidang pendidikan selama 30 tahun.

"Apa yang dikatakan oleh TKMI (Dr. Mohamad Abdul Hamid) amat tepat yang mana anak-anak yang mempunyai rasa tanggungjawab dan keikhlasan tanpa mengira bangsa serta agama lahir daripada didikan seorang guru.

"Itulah pentingnya peranan guru Tabika Perpaduan untuk mendidik dan melahirkan masyarakat yang mempunyai semangat perpaduan yang sangat utuh.

"Ini kerana perpaduan sangat penting dalam konteks negara kita yang mempunyai masyarakat dengan latar belakang kaum dan agama yang berbeza," ulasnya yang bertugas di Tabika Perpaduan Taman Bagan dalam Daerah Seberang Perai Utara (SPU).

Zunita berkongsi bahawa bahasa merupakan cabaran utama yang dihadapi oleh guru Tabika Perpaduan kerana para pelajar terdiri daripada pelbagai kaum termasuk etnik di Sabah dan Sarawak yang mempunyai masalah untuk berinteraksi dalam Bahasa Melayu.

"Bagi saya sendiri, saya mengajar pelajar yang terdiri daripada pelbagai etnik termasuk Kadazan, Iban dan Bidayuh, jadi saya terpaksa mempelajari pelbagai bahasa untuk lebih mendekati mereka dan menyampaikan makna perpaduan seawal umur empat tahun lagi.

*(Sambungan di muka 15).*




**ZUNITA Said.**

# "Utamakan nilai kemanusiaan"

**PADA** usia 135 tahun, Hospital Bukit Mertajam (HBM) membuktikan bahawa pengalaman dan inovasi mampu bergerak seiring apabila dinobatkan sebagai Hospital Minor Pakar Terbaik Malaysia 2024, mengatasi 45 hospital seumpamanya di seluruh negara menerusi pengiktirafan *Hospital Star Awards for Outstanding Quality and Performance* oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Pengiktirafan berprestij itu mencerminkan komitmen berterusan HBM dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan berkualiti, cekap dan berfokuskan pesakit, sekali gus mengukuhkan peranan hospital awam sebagai tunjang utama sistem penjagaan kesihatan negara.

Bagi mengupas faktor di sebalik kejayaan tersebut, wartawan Buletin Mutiara, **NUR ASHIKIN ISMAIL** bersama jurugambar, **DARWINA MOHD. DAUD** menemu bual Pengarah Hospital, **DR. S. PRASHANT** pada 25 November 2025.




S. Prashant (duduk, tengah) bersama-sama barisan kepimpinan Hospital Bukit Mertajam meraikan kejayaan dinobatkan sebagai Hospital Minor Pakar Terbaik Malaysia 2024 baru-baru ini.

Menurut Dr. Prashant, KKM mengklasifikasikan hospital berdasarkan tahap kepakaran dan kapasiti perkhidmatan, dan HBM kini berstatus Hospital Minor Pakar Tahap Tiga (3).

"Hospital Bukit Mertajam merupakan Hospital Tahap Tiga dengan 11 kepakaran; subkepakaran (3); katil (242) termasuk Unit Rawatan Rapi (ICU, 7) serta bilik pembedahan (3).

"Setiap hari, kami menerima kira-kira 45 pesakit wad dan mengendalikan antara 800 hingga 1,000 pesakit luar.

"Daripada 46 hospital minor pakar di seluruh negara, Hospital Bukit Mertajam menduduki tempat pertama bagi tahun 2024," jelasnya membuka bicara.

Dalam pada itu, beliau menjelaskan bahawa kecemerlangan HBM didorong oleh visi yang jelas, kerjasama pasukan yang kukuh serta budaya kerja yang mengutamakan nilai kemanusiaan.

"Penilaian prestasi oleh KKM merangkumi indikator ketat seperti *Hospital Performance Indicator for Accountability* (HPIA), C*asemix Index, Cluster Hospital System* dan *Patient Satisfaction Questionnaire-18 (PSQ18).*

"Tanpa fokus kepada visi, kerjasama dan pendekatan berteraskan manusia, pencapaian seperti ini mustahil direalisasikan," ujarnya.

Tambah Prashant, kejayaan terbaharu ini turut dipacu oleh sumbangan peralatan daripada badan bukan kerajaan (NGO) serta usaha mengekalkan tenaga pakar.

"Antara hasilnya adalah pengurangan tempoh menunggu pembedahan katarak daripada sembilan bulan kepada enam bulan melalui penaiktarafan fasiliti.

"Dengan bilik pembedahan yang lebih moden serta sokongan berterusan daripada NGO dan KKM, kami menyasarkan untuk mengurangkan tempoh menunggu kepada tiga bulan.

"Selain itu, sebuah hospital baharu akan dibina di atas tanah kerajaan bersebelahan HBM, membolehkan bangunan sedia ada memberi tumpuan kepada perkhidmatan geriatrik, paliatif dan kesihatan mental, selaras dengan keperluan populasi warga emas di negeri ini," ujarnya.

Sementara itu, Timbalan Pengarah HBM, **DR. UMI MASYITAH MOHD. SAIDI** menyatakan bahawa kejayaan tersebut tidak mungkin dicapai tanpa komitmen dan sokongan padu seluruh warga kerja hospital.

"Faktor utama kejayaan datang daripada kekuatan pasukan. Apabila ketua jabatan berperanan aktif dan berkesan, seluruh pasukan akan bergerak seiring.

"Kejayaan daripada HPIA hingga Indeks Casemix dan PSQ18 tidak boleh dicapai secara individu, sebaliknya memerlukan penglibatan menyeluruh seluruh hospital," katanya yang turut serta dalam sesi berkenaan.

Menurut Umi Masyitah, budaya kerja berasaskan kerjasama, ketelusan dan komunikasi berkesan menjadi asas kepada peningkatan prestasi hospital secara konsisten.

Peranan kejururawatan turut diberi penekanan khusus, dengan Ketua Jururawat HBM, **MATRON YEAP AI PING**, menyifatkan jururawat sebagai tulang belakang hospital.

"Kami menterjemahkan visi hospital ke dalam amalan harian dengan memahami tanggungjawab bekerja, berintegriti serta bekerjasama sebagai satu pasukan.

*(Sambungan di muka 5).*




**PINTU masuk utama hospital yang menjadi mercu tanda perkhidmatan kesihatan berkualiti di negeri ini.**




DR. Siti Aisyah Salahudin (kanan) dan Dr. Lee Shing Lin menunjukkan sijil penarafan lima bintang yang diterima oleh Hospital Sungai Bakap.

*(Sambungan dari muka 1).*

# Komitmen berterusan

Menjelaskan mengenai inisiatif kluster, Siti Aisyah menerangkan bahawa HSB terangkum dalam kluster Seberang Perai bersama dengan tiga hospital lain iaitu Hospital Bukit Mertajam, Hospital Seberang Jaya dan Hospital Kepala Batas.

"Kluster pulau pula merangkumi Hospital Pulau Pinang dan Hospital Balik Pulau.

"Kluster Seberang Perai antara yang paling aktif kerana jarak antara keempat-empat hospital berada dalam jarak yang tidak terlalu jauh yang membolehkan matlamat kluster itu mudah dicapai.

"Matlamat kluster adalah merujuk kepada inisiatif untuk mengurangkan kesesakan dan perkongsian sumber antara hospital terutamanya di hospital utama seperti Hospital Seberang Jaya.

"Ini kerana di Hospital Seberang Jaya kadar penghunian katil *(Bed Occupancy Rate - BOR)* biasanya melebihi 100 peratus.

"Oleh itu, KKM mewujudkan kluster dengan matlamat untuk mengalihkan bebanan, berkongsi tenaga kerja, sumber lain-lain antara hospital utama dengan hospital daerah yang lain dalam tempoh masa tertentu," katanya.

Tidak kurang penting juga menurut Siti Aisyah adalah Indeks Casemix iaitu kaedah pengelasan pesakit kepada kumpulan *(Diagnosis Related Groups* - DRG) berdasarkan kesamaan gejala klinikal, rawatan dan sumber yang digunakan.

Beliau memberitahu bahawa sistem tersebut dirangka dengan matlamat untuk mengurus kos, meningkatkan kualiti dan merancang peruntukan sumber kesihatan dengan lebih cekap.

"Contohnya, Hospital Sungai Bakap mempunyai dua pakar iaitu pakar perubatan kesihatan dan pakar perubatan kecemasan sejak awal tahun ini, jadi kes kompleks yang diuruskan di hospital ini juga kian bertambah.

"Berbanding sebelum ini kes-kes yang agak rumit akan dihantar ke Hospital Bukit Mertajam atau Hospital Seberang Jaya.

"Namun begitu, masih ada kes-kes kompleks ini dihantar ke hospital lain kerana bilangan doktor tidak mencukupi terutamanya apabila salah seorang doktor pakar sedang bercuti atau berkursus.

"Jadi, kes-kes yang lebih kompleks inilah menjadi salah satu faktor yang diambil kira dalam pengagihan bajet untuk sesebuah hospital oleh KKM kerana memerlukan diagnosis yang lebih terperinci serta ubat yang lebih mahal," ulasnya lanjut.

Selain itu, Siti Aisyah menyatakan Indeks Casemix juga menjadi penentu kepada pengkategorian hospital sama ada tahap satu, dua, tiga atau empat.

"Dulu, kategori hospital dibahagikan kepada hospital negeri, hospital pakar major, pakar minor dan tanpa pakar tetapi kini dibahagikan mengikut tahap satu hingga empat.

"Kalau di Pulau Pinang, hospital tahap satu adalah Hospital Pulau Pinang, manakala Hospital Seberang Jaya tahap dua dan tahap tiga seperti Sungai Bakap dan Kepala Batas," ujarnya.

Terakhir adalah inisiatif PSQ-18 iaitu soal selidik 18 soalan untuk mengukur tahap kepuasan pesakit terhadap pelbagai aspek perkhidmatan, seperti kualiti, masa menunggu, komunikasi dan kemudahan, dengan tujuan penambahbaikan berterusan.

Menurut Siti Aisyah, pesakit akan memberikan maklum balas mereka terhadap perkhidmatan yang diterima di sesebuah hospital melalui sistem yang turut dipantau oleh KKM.

"Ini bermakna, sekiranya ada maklum balas negatif atau kurang memuaskan kami tidak boleh padam kerana ia turut dipantau oleh sistem KKM.

"Paling penting adalah setiap maklum balas yang diterima akan dijadikan panduan kepada pihak hospital untuk menambah baik perkhidmatan kita," katanya sambil menambah bahawa kredit perlu diberikan kepada pengarah-pengarah HSB sebelum ini atas kerja keras sehingga berjaya meraih penarafan lima bintang.

### Kejayaan berganda

Siti Aisyah memaklumkan bahawa selain dianugerahkan penarafan lima bintang, HSB juga turut menerima Anugerah MyCREST *(Malaysian Carbon Reduction and Environmental Sustainability Tool)*.

MyCREST adalah sistem penilaian dan pensijilan bangunan hijau di Malaysia yang menilai prestasi bangunan dari segi penggunaan tenaga, air, bahan dan kesan terhadap alam sekitar terutamanya di hospital KKM.

"HSB juga memperoleh penarafan lima bintang bagi MyCREST kerana kebanyakan pencapaian utama sudah diperolehi pada tahun ini.

"Jadi, cabaran kita ke hadapan adalah untuk mengekalkan pencapaian tersebut dan menjadikan semua yang dicapai dalam pensijilan utama itu sebagai budaya kerja di sini.

"Saya rasa dengan adanya penilaian seperti ini, struktur sesebuah hospital itu menjadi lebih lengkap dan tersusun, sekali gus memberi manfaat kepada pesakit," katanya.

Tambah Siti Aisyah, HSB juga telah mendapat semua pensijilan utama yang wajib dicapai oleh hospital KKM, khususnya akreditasi MSQH iaitu proses penilaian oleh *Malaysian Society for Quality in Health*.

Tujuan akreditasi MSQH adalah untuk memastikan fasiliti dan perkhidmatan kesihatan di Malaysia memenuhi piawaian kualiti dan keselamatan kebangsaan serta antarabangsa.

Siti Aisyah berkata, sijil akreditasi biasanya sah selama empat tahun dan boleh diperbaharui melalui proses penilaian semula.

"Akreditasi MSQH ini penting untuk menilai semua standard dalam hospital yang mana di HSB kita ada 23 standard yang dinilai.

"Penilaian ini penting kerana memberi gambaran bahawa sesebuah hospital itu mematuhi standard keselamatan dan kualiti yang ditetapkan," jelasnya.

### Perancangan masa depan

Mengulas lanjut, Siti Aisyah menyatakan bahawa HSB kini sedang berusaha ke arah menyediakan kemudahan dan kelengkapan bagi membantu pesakit beribadah dengan lebih selesa di wad.

"Kita juga memberikan latihan kepada kakitangan supaya mereka mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam membantu pesakit untuk menjalankan ibadah masing-masing.

"Kemudahan yang kita sedang wujudkan ini bukan sahaja untuk pesakit Muslim tetapi juga pesakit lain-lain agama, sekali gus menjadikan HSB sebagai sebuah hospital mesra ibadah," ulasnya.

Mengakhiri bicara Siti Aisyah berkata bahawa beliau memberikan kredit kepada mantan Pengarah HSB, Dr. Mohamad Nazmi Mohamad Hussain atas segala inisiatif yang dilaksanakan sehingga melayakkan hospital itu menerima penarafan lima bintang.

"Selain itu, saya juga merakamkan terima kasih kepada Unit Kualiti HSB kerana menjadi urus setia kepada inisiatif-inisiatif yang dinilai dalam KPI.

"Tidak lupa juga kepada pasukan penggerak yang menjadi pemegang indikator KPI kerana mereka merupakan pihak yang menunjukkan komitmen berterusan dalam menyeimbangkan antara memberikan perkhidmatan terbaik kepada pesakit dan melaksanakan KPI.

"Seterusnya, ucapan penghargaan juga kepada Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP), Pengarah JKNPP, Dato' Dr. Fazilah Shaik Allaudin dan hospital-hospital kluster Seberang Perai kerana memberikan kerjasama dan sokongan kepada satu sama lain.

"Dengan sokongan berterusan yang diberikan ini, apa-apa permohonan yang kita kemukakan mendapat perhatian daripada KKM," katanya menutup bicara.

# Edisi terakhir Pesta Pulau Pinang

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **SIEW CHIA EN**

**BAYAN LEPAS –** Edisi ke-59 Pesta Pulau Pinang Tahun 2025/2026 yang berlangsung selama 36 hari mulai 6 Disember lalu hingga 10 Januari 2026 merupakan edisi terakhir sebelum penganjuran ditangguhkan kira-kira enam tahun.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, penganjuran acara ikonik tersebut sepatutnya ditangguhkan pada edisi sebelum ini bagi memberi laluan kepada Malaysia Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp) melaksanakan projek Transit Aliran Ringan (LRT) Laluan Mutiara serta Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD).

"Berdasarkan perkembangan terkini, MRT Corp hanya akan mengambil alih tapak (Pesta Pulau Pinang) ini pada bulan April 2026, dan hal ini membolehkan Pesta Pulau Pinang diteruskan untuk edisi ke-59," jelasnya ketika berucap pada majlis perasmian edisi tersebut di sini pada 11 Disember 2025.

Majlis perasmian disempurnakan oleh Yang Dipertua Negeri, Tuan Yang Terutama (TYT) Tun Ramli Ngah Talib dengan diiringi oleh isteri, Y.M. Toh Puan Raja Noora Ashikin Raja Abdullah.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II, Jagdeep Singh Deo; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Zulkifli Long dan Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Zabidah Safar.

Menyorot sejarah, difahamkan bahawa Pesta Pulau Pinang mula dianjurkan pada tahun 1966 sebagai sebuah karnival jualan di Padang Kota Lama dan Lebuh Macallum, sebelum beroperasi secara tetap di Tapak Pesta Sungai Nibong sejak tahun 1974.

Berucap lanjut, Kon Yeow yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi menyatakan bahawa Pesta Pulau Pinang yang terkenal dengan gabungan cahaya, hiburan, persembahan serta aktiviti ekonomi ketika musim cuti sekolah hujung tahun menerima antara 350,000 hingga 500,000 pengunjung setiap kali penganjurannya sebelum ini.

Dalam penganjuran edisi terakhir kali ini, beliau memaklumkan bahawa beberapa produk usahawan industri kecil dan sederhana (IKS) di bawah Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) turut diperkenalkan.

Selain itu, tambah Kon Yeow, produk PKS di bawah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC); Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC); Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri (JPM) Pulau Pinang; Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA); Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) serta *Sarawak Economic Development Corporation* turut diketengahkan.




**TUN Ramli Ngah Talib (tiga dari kanan) diringi Ketua Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri menyempurnakan gimik perasmian Pesta Pulau Pinang Edisi ke-59 dekat Tapak Pesta Sungai Nibong di sini baru-baru ini.**




**IBU bapa mengambil kesempatan merakam gambar kenang-kenangan anak mereka di salah satu sudut menarik di Pesta Pulau Pinang.**




**PENGUNJUNG beristirahat di kawasan lapang yang disediakan penganjur.**

*(Sambungan dari muka 3).*

# Komitmen kolektif seluruh warga hospital

"Kejayaan ini bukan hasil usaha individu, sebaliknya lahir daripada komitmen kolektif seluruh warga hospital.

"Latihan berterusan dan pemerkasaan jururawat menjadi tunjang kepada keberkesanan penyampaian rawatan di wad serta unit kritikal," katanya yang ditemui pada sesi sama.

Bagi Unit Rekod Perubatan pula, dokumentasi yang tepat menjadi nadi kepada perancangan operasi dan peruntukan kewangan hospital.

Timbalan Ketua Unit Rekod Perubatan, **HERYANTI AJOM KHAN**, menjelaskan bahawa ketepatan Indeks Casemix amat penting bagi memastikan hospital menerima peruntukan yang mencukupi.

"Kami mencatatkan kadar ketepatan Indeks Casemix sebanyak 94 peratus, jauh melebihi purata nasional 73 peratus bagi hospital minor pakar.

"Data yang tepat menentukan bajet tahunan hospital dan sebarang kesilapan atau *undercoding* akan memberi kesan langsung kepada peruntukan serta kualiti penjagaan pesakit.

"Usaha meningkatkan ketepatan ini diperkukuh melalui audit berkala dan latihan dalaman agar setiap rekod mematuhi standard kebangsaan," tambahnya lagi.

Dengan pengiktirafan sebagai Hospital Minor Pakar Terbaik Malaysia 2024, HBM bukan sahaja menzahirkan keupayaan sistem kesihatan awam negara, malah membuktikan bahawa komitmen berterusan, kepimpinan berkesan dan semangat kerja berpasukan mampu melonjakkan kualiti perkhidmatan demi kesejahteraan rakyat.

# Maybank Komtar kekal pilihan pelanggan



MUHAMMAD Asri Alhafizi Kamarudin menunjukkan sijil penghargaan yang diperoleh sempena ulang tahun ke-40 Komtar.

CAWANGAN Malayan Banking Berhad (Maybank) Penang Road atau Maybank Komtar, telah beroperasi sejak 1985 dan terus menjadi hab perbankan utama di tengah bandar raya George Town, khususnya bagi agensi kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) serta orang awam.

Menurut Pengurus Cawangan Maybank Penang Road, **MUHAMMAD ASRI ALHAFIZI KAMARUDIN**, cawangan berkenaan bukan sahaja antara penyewa terawal di bangunan Komtar, malah turut mempunyai unit sendiri sejak mula berpindah lagi.

"Bagi mencerminkan komitmen jangka panjang Maybank terhadap pembangunan ekonomi setempat, cawangan ini bukan sahaja mengekalkan perkhidmatan berkualiti kepada pelanggan, malah sentiasa memperkenalkan kemudahan baharu yang memudahkan urusan harian.

"Malah, keselesaan dan kepuasan pelanggan merupakan keutamaan kami, selari dengan usaha Maybank untuk memastikan cawangan (di sini) terus menjadi pilihan utama masyarakat setempat.

"Menariknya, cawangan ini mempunyai sejarah hampir 40 tahun, dan pernah mengambil alih operasi beberapa cawangan lain yang ditutup sebelum ini, sekali gus menjadikan Maybank Komtar antara cawangan paling sibuk di Pulau Pinang," katanya semasa sesi wawancara khas bersama wartawan Buletin Mutiara, **NUR ASHIKIN ISMAIL** serta jurugambar, **ALISSALA THIAN** pada 15 Disember 2025.

## Naik taraf fasiliti dan digitalisasi

Seiring perubahan landskap perbankan, Muhammad Asri memberitahu bahawa susun atur dalaman serta perabot cawangan telah dinaik taraf bagi mewujudkan suasana yang lebih selesa dan efisien.

"Pada masa sama, penggunaan perkhidmatan digital turut dipertingkat bagi mengurangkan kebergantungan kepada kaunter fizikal, termasuk urusan pembukaan akaun secara dalam talian.

"Antara kemudahan yang mendapat sambutan ialah mesin penggantian kad yang membolehkan pelanggan mencetak kad baharu dalam masa beberapa minit.

"Kemudahan ini banyak membantu mengurangkan masa menunggu pelanggan, terutamanya ketika waktu puncak.

"Pihak cawangan turut mengemukakan permohonan untuk menambah mesin penukaran duit syiling berhampiran kawasan mesin juruwang automatik (ATM) bagi memudahkan urusan pelanggan, yang dijangka dapat dilaksanakan pada fasa seterusnya," jelasnya lanjut.

## Pelanggan menjadi keutamaan

Mengendalikan kira-kira seramai 25 kakitangan, beliau memberitahu bahawa cawangan itu berdepan cabaran kesibukan terutamanya pada waktu pagi serta musim perayaan, memandangkan lokasinya berhampiran stesen bas, Pusat Transformasi Bandar (UTC) dan beberapa pejabat kerajaan.

"Kami mengadakan taklimat pagi secara konsisten untuk memastikan semua kakitangan jelas tentang peranan masing-masing dan sentiasa bersedia memberi perkhidmatan terbaik.

"Sasaran kami adalah memastikan aduan pelanggan berada pada tahap paling minimum.

"Umumnya, setiap usaha yang dijalankan di cawangan ini bertujuan untuk mempertingkatkan pengalaman pelanggan, dan memastikan pelanggan menerima perkhidmatan yang pantas serta mesra.

"Usaha ini membuahkan hasil apabila rekod aduan pelanggan bagi tahun semasa hampir sifar berbanding beberapa aduan pada tahun sebelumnya," ujarnya.

## Tanggungjawab sosial korporat

Dalam aspek tanggungjawab sosial korporat (CSR) pula, Muhammad Asri menyatakan bahawa Maybank Komtar turut aktif melaksanakan pelbagai program kebajikan pada peringkat negeri, termasuk kerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

"Selain itu, Maybank bukan sekadar institusi kewangan, tetapi juga rakan komuniti, aktiviti CSR merupakan sebahagian daripada komitmen kami kepada masyarakat setempat.

"Aktiviti yang dijalankan merangkumi program Ramadan dan Aidilfitri, ibadah korban serta pelbagai inisiatif kebajikan lain di seluruh Pulau Pinang.

"Kami percaya bahawa tanggungjawab sosial korporat bukan sekadar kewajipan, tetapi peluang untuk memberi manfaat sebenar kepada masyarakat setempat," ulasnya lanjut.

## Perancangan masa hadapan

Mengulas mengenai hala tuju cawangan, Muhammad Asri berkata bahawa fokus utama adalah untuk terus mengekalkan mutu perkhidmatan, memperkenalkan kemudahan agar pelanggan terus memilih cawangan Maybank Komtar untuk sebarang urusan perbankan.

"Matlamat kami jelas untuk pelanggan berasa selesa, urusan perbankan dipermudahkan dan tahap kepuasan sentiasa berada pada tahap tertinggi.

"Selari dengan pendigitalan, kekosongan jawatan akibat persaraan tidak diisi semula, sebaliknya operasi harian disokong melalui automasi dan pengurangan kaunter fizikal.

"Dengan kemudahan digital dan mesin penggantian kad yang pantas, pelanggan kini boleh menyelesaikan urusan mereka dengan lebih cepat tanpa perlu beratur lama.

"Ini merupakan sebahagian daripada usaha kami menjadikan Maybank Komtar lebih mesra pelanggan," ujarnya menutup bicara.


BARISAN kakitangan Maybank Komtar yang komited dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan.


KEDUDUKAN Maybank Komtar yang strategik menjadikan cawangan tersebut antara paling sibuk melayani kunjungan pelanggan di negeri ini.

# Bakat muda STEM cemerlang

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**



**K. Sachien (depan, tengah) bersama rakan-rakannya menunjukkan pingat yang dimenangi di Taiwan, diiringi oleh G. Kalidass (belakang, tengah), ketika ditemui di akademi berkenaan baru-baru ini.**

**KEUPAYAAN** untuk mengekalkan daya saing dan kekal relevan menjadi faktor penting dalam memastikan kemajuan berterusan, khususnya dalam era persaingan global yang semakin kompleks.

Perkembangan pesat kecerdasan buatan (AI), seiring lonjakan permintaan dalam bidang tersebut, menjadikan pembangunan awal bakat dalam kalangan generasi muda sebagai satu keutamaan strategik.

Seiring keperluan itu, *Syscore Academy and Innovation* (Syscore), sebuah pusat pembelajaran yang memfokuskan kepada pengekodan, pengaturcaraan dan bidang berkaitan AI, terus menggembleng penglibatan kanak-kanak dalam program berasaskan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Inisiatif terbaharu akademi tersebut membuahkan hasil yang membanggakan apabila seramai 24 pelajar terpilih mewakili Syscore ke *World Robot Games* (WRG) yang berlangsung di Taiwan dari 25 November hingga 1 Disember 2025, melibatkan penyertaan pelajar dari pelbagai negara.

Para peserta terdiri daripada pelajar sekolah jenis kebangsaan Tamil serta sekolah menengah di Pulau Pinang.

Dalam sesi temu bual bersama Buletin Mutiara baru-baru ini, Pengasas yang juga Pengarah Urusan akademi tersebut, **G. KALIDASS** menzahirkan rasa puas hati dengan pencapaian para pelajar dalam pertandingan tersebut dan



**G. Kalidass.**

menyifatkannya sebagai satu kejayaan besar buat Pulau Pinang.

Menurut beliau, penyertaan dalam WRG edisi 2024 di Singapura turut menyuntik semangat serta meningkatkan tahap kesediaan pelajar untuk bersaing dengan lebih cemerlang pada edisi Taiwan kali ini.

"Seramai 24 pelajar telah dipilih dan secara purata, setiap seorang menyertai antara tiga hingga enam kategori pertandingan.

"Secara keseluruhan, kami berjaya membawa pulang 80 pingat dan ini merupakan pencapaian yang amat membanggakan.

"Persiapan telah dimulakan seawal Januari 2025, dan usaha berterusan ini akhirnya membuahkan hasil yang sangat memberangsangkan," ujarnya.

Dalam pada itu, Kalidass turut merakamkan penghargaan kepada Exco Perumahan dan Alam Sekitar, Dato' Seri S. Sundarajoo atas sokongan berterusan terhadap penyertaan Syscore dalam WRG.

"Malah, beliau (Sundarajoo) juga terus memberi suntikan motivasi kepada para pelajar, dari pengumuman penyertaan kami hinggalah menyambut kepulangan kami di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang selepas pertandingan," jelasnya.

Sementara itu, **K. SACHIEN**, 13, dari *Assumption International Secondary School*, muncul sebagai peserta paling cemerlang apabila memenangi enam pingat.

Beliau merakamkan penghargaan kepada jurulatih Syscore atas bimbingan berterusan yang membolehkannya bersaing pada tahap tertinggi.

"Saya telah bersama Syscore selama tujuh tahun dan untuk WRG tahun ini, saya memenangi pingat emas dalam kategori Bola Sepak 4×4 serta pingat gangsa untuk kategori *W3 Soccer, AI Innovative, Sumo RC, Sumo Family*, dan *Drone Soccer*," katanya.

Turut hadir pada sesi temu bual ialah S. Tanveer, 15, dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Jambul yang meraih tiga pingat; A. Aesvan, 15, dari SMK Bukit Gambir; dan S. Abinayashri, 14, dari SMK Convent Green Lane, yang masing-masing turut meraih tiga pingat pada WRG.



**ANTARA inovasi yang dihasilkan oleh pelajar Syscore ketika menyertai WRG di Taiwan baru-baru ini.**



**G. Kalidass (kiri) tidak pernah jemu mencurahkan ilmu dengan memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada pelajar Syscore sebagai persediaan menghadapi pertandingan berkaitan STEM.**

# Tawar harga patut bertahan 40 tahun

**BERPENGALAMAN** sejak tahun 1971 dalam bidang optometri, pemilik *Super Bright Watch & Optical Co.*, **NICKALAS Kulandiasamy**, merupakan antara penyewa terawal di bangunan Kompleks Tun Abdul Razak (Komtar) yang kini berusia hampir 40 tahun.

Ketika ditemui wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI**, Kulandiasamy berkongsi bahawa beliau mula berkecimpung dalam bidang tersebut sebagai pekerja di salah sebuah kedai cermin mata di George Town.

"Pada 1989 barulah saya menjadi pemilik di sini. Sebelum itu saya berkongsi perniagaan, tetapi sejak 1971 memang sudah bekerja di kedai cermin mata.

"Dari situlah saya belajar mengenai cermin mata, dan apabila Komtar dibuka sebagai pusat beli-belah baharu, saya mengambil keputusan untuk menjalankan perniagaan di sini," ujarnya yang masih bertenaga melayan pelanggan pada usia 73 tahun.

Menyentuh mengenai operasi kedainya, beliau memaklumkan bahawa perniagaannya masih dijalankan secara tradisional.

"Tradisional yang dimaksudkan adalah tanpa menggunakan sebarang platform dalam talian atau media sosial untuk tujuan promosi.

"Saya akui perniagaan agak berkurangan sejak pasca COVID-19, namun, harga yang saya tawarkan masih murah dan mungkin itu menjadi faktor saya masih mampu bertahan.

"Kedua, saya ada pelanggan tetap. Kadang-kadang mereka bertanya, betulkah harga begini? Saya jawab betul, kerana ia memang harga patut," katanya yang menetap di Air Itam.




**NICKALAS Kulandiasamy menunjukkan sijil penghargaan sebagai antara penyewa lama di Komtar yang dianugerahkan kepadanya oleh Kerajaan Negeri baru-baru ini.**



**ADIK kepada Nickalas Kulandiasamy yang bekerja dengannya sedang memperbaiki cermin mata salah seorang pelanggan di premisnya di sini baru-baru ini.**




**PREMIS *Super Bright Watch & Optical Co.* yang boleh diakses melalui Jalan Ria.**

Ketika beroperasi pada tahun 1980-an, Kulandiasamy memberitahu bahawa hanya terdapat sekitar sembilan kedai cermin mata di kawasan pulau dan mereka saling mengenali.

Menurut beliau, sehingga era 1990-an, saingan juga tidak banyak berbanding keadaan sekarang.

"Sekarang pergi ke mana-mana pun ada kedai cermin mata, tambahan pula kompleks beli-belah semakin banyak.

"Tetapi saya masih bertahan kerana kepercayaan pelanggan dan harga yang saya tawarkan," jelasnya.

Selain itu, Kulandiasamy turut bermurah hati menjalankan tanggungjawab sosial korporat (CSR) kepada sekolah-sekolah yang memerlukan khidmatnya.

"Mereka datang berbincang dengan saya, dan saya bantu pelajar-pelajar.

"Biasanya saya membantu pelajar sekolah rendah," ujar ayah kepada dua cahaya mata itu.

Menutup bicara, Buletin Mutiara bertanyakan tentang legasi perniagaan tersebut, dan beliau memaklumkan bahawa anaknya sudah bersedia untuk mengambil alih.

"Anak pertama saya mempunyai kelulusan dalam bidang berkaitan mata, cuma ketika ini dia lebih berminat menjadi pakar motivasi.

"Apabila tiba masanya, dia akan meneruskan perniagaan ini.

"Buat masa sekarang, hanya kami bertiga iaitu saya, isteri dan adik yang membantu menguruskan premis ini," katanya.



**PELANGGAN yang bertandang ke premis ini kebiasaannya adalah pelanggan tetap yang berkunjung sejak sekian lama.**

# Kedai jam Tong Eng

## tawar nilai sentimental tersendiri




KEDUDUKAN Tong Eng juga agak strategik di Jalan Ria, mudah dilihat dan senang untuk berurusan bagi pelanggan yang menaiki motosikal.

**KEDAI** jam Tong Eng yang sudah bertapak di Kompleks Tun Abdul Razak (Komtar) bukanlah asing bagi generasi *"baby boomers"* dan generasi Y yang meminati koleksi jam tangan menarik.

Malah, boleh dikatakan koleksi jam tangan yang dijual di kedai itu masih malar segar, dan mendapat sambutan pelanggan setiap hari.

Menurut pemilik Tong Eng, **LIM ENG KEN**, 32, beliau adalah generasi ketiga yang mengoperasikan kedai yang memulakan operasi sejak tahun 1952 di Jalan Penang sebelum bangunan Komtar dibuka pada tahun 1978.

"Kami beroperasi sejak tahun 1952 berhampiran dengan balai bomba *Penang Road* sehingga tahun 1978.

"(Dan) kami memulakan perniagaan secara rasmi di bangunan Komtar pada tahun 1982, walaupun pada ketika itu bahagian menara belum siap sepenuhnya dan masih dalam pembinaan," ujarnya ketika ditemui wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** dan jurugambar, **DARWINA MOHD. DAUD**.



LIM Eng Ken.

Di awal penglibatan dalam perniagaan atau sebelum era 1990-an, premis Tong Eng turut menjual pelbagai barangan berjenama mewah seperti pen, minyak wangi, pemetik api, beg duit dan perhiasan-perhiasan lain.

"Selepas tahun 1990-an, barangan berjenama sudah semakin berkurangan dan kami memberi fokus kepada jam tangan.

"Sepanjang menjalankan perniagaan ini, jam paling mahal yang pernah saya jual adalah berharga RM100,000," jelasnya yang menjual kira-kira 30 jenama jam di kedainya.

Ditanya mengenai saingan model-model jam baharu seperti jam pintar, Eng Ken menyatakan bahawa beliau tidak bimbang dengan senario tersebut kerana mempunyai pasaran yang berbeza.

"Jam pintar lebih kepada sukan dan kasual, berbanding jam di sini yang mempunyai segmen berbeza.

"Di sini, kami menjual produk yang lebih sesuai dengan majlis formal, perkahwinan, majlis rasmi serta pelbagai lagi, jadi tidak menjejaskan pasaran dalam segmen ini," maklumnya yang mempunyai sembilan kakitangan.

Selain itu, beliau memberitahu bahawa kekuatan Tong Eng bergantung kepada pelanggan tetap yang seusia premisnya, servis selepas pembelian dan baik pulih jam tangan.

"Tong Eng mempunyai nilai sentimental tersendiri kepada pelanggan, ada yang datang ke sini sebab disyorkan oleh ayah atau generasi sebelumnya yang sudah mengenali kualiti kami," ulasnya.

Sebagai penulis, perkara tersebut memang diakui kerana ayah penulis merupakan salah seorang pelanggan yang mempunyai koleksi jam daripada Tong Eng.

Ditanya mengenai faktor untuk mengekalkan perniagaan Komtar, Eng Ken memberitahu bahawa lokasinya yang terletak di pusat bandar yang menjadi tumpuan sejak dahulu lagi.

"Tambahan pula, kedai ini memang milik kami, pelanggan pun suka kami berada di sini dan mereka minta supaya kami jangan pindah.

"Jadi mungkin sebab itulah kami pilih kekal di Komtar sampai sekarang," selorohnya kepada Buletin Mutiara.

Menyentuh mengenai harapan, Eng Ken memberitahu bahawa beliau tidak bercadang untuk menambah cawangan kerana sudah selesa menguruskan satu-satunya kedai di sini.

"Harapan saya adalah agar lebih banyak penyewa dan peniaga mampu berniaga di Komtar dengan beberapa tawaran oleh PDCSU (Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang Setia Urus) kerana lebih banyak kedai, maka lebih ramai orang akan datang ke Komtar.

"Selain itu, saya juga berharap aliran trafik di Komtar dapat ditambah baik kerana ia sedikit sebanyak dapat mempengaruhi kunjungan orang ramai ke sini," katanya menutup bicara.




KAKITANGAN Tong Eng sibuk melayan pelanggan yang sempat dirakam lensa Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

| ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **N.37 BATU MAUNG**<br>YB Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid<br>mohdhamid@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| **N.29 DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 261 8715 |
| **N.15 PADANG LALANG**<br>YB Gooi Zi Sen<br>gooizisen@penang.gov.my | (T) 012 - 500 1571 |
| **N.16 PERAI**<br>YB Dato' Seri Sundarajoo A/L Somu<br>n16.kadunperai@gmail.com | (T) 04 - 397 3600 |
| **N.19 JAWI**<br>YB H'ng Mooi Lye<br>n19dunjawi@gmail.com | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **N.21 SUNGAI ACHEH**<br>YB Rashidi Bin Zinol<br>n21sgachehpk@gmail.com | (T) 04 - 593 2408<br>(F) |
| **N.22 TANJONG BUNGA**<br>YB Zairil Khir Johari<br>tanjongbunga@bukitbendera.org | (T) 04 - 818 3866<br>(F) 04 - 262 5952 |
| **N.30 SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>limsiewkhim@penang.gov.my | (T) 04 - 657 6630<br>(F) 04 - 658 6630 |
| **N.34 PAYA TERUBONG**<br>YB Wong Hon Wai<br>wonghonwai1973@gmail.com | (T) 04 - 826 1898<br>(F) |
